

**Malaysia Tidak Akan Dilanda Taufan Tropika Saola - Jabatan Meteorologi
Bernama
3 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Taufan Tropika Saola yang melanda perairan Filipina baru-baru ini tidak akan melanda Malaysia, khususnya Sabah dan Sarawak, kerana pergerakannya menghala ke arah Taiwan, Vietnam dan China.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia Datuk Dr Yap Kok Seng berkata taufan itu juga tidak akan memberi kesan yang banyak kepada Malaysia dan hanya menyebabkan angin kencang dan laut bergelora di perairan Sabah.

"Keadaan angin kencang dan laut bergelora diramalkan akan berterusan sehingga Ahad ini," katanya kepada Bernama, di sini hari ini.

Selain itu katanya taufan itu juga mungkin menyebabkan keadaan cuaca menjadi lebih panas dan kering.

Menurut laporan media, taufan yang melanda Filipina pada 30 Julai lepas meragut sekurang-kurangnya 23 nyawa manakala di Taiwan pula bencana itu mengakibatkan empat maut semalam.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=685339>

